

271 pasangan cipta rekod

Majlis resepsi diadakan serentak lakar sejarah, diiktiraf Malaysia Book of Records

W SARAFLI MALEMOON

KUALA TERENGGANU – Perkahwinan Perdana Transformasi Terengganu Baharu (TTB) 2017, serentak melakar sejarah apabila buat pertama kalinya diiktiraf dalam Malaysia Book of Records (MBOR).

Pengiktirafan tersebut dibuat berdasarkan jumlah penyertaan pasangan teramai dalam majlis resepsi yang diadakan serentak melibatkan 271 pasangan muda yang berkahwin kali pertama dari semua lepan daerah di negeri ini di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI).

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, Perkahwinan Perdana TTB dengan peruntukan sebanyak RM1.6



Pengarah YPKT, Shafaruddin Mustafa memegang sijil Malaysia Book of Records ketika majlis perarakan pengantin bersama Menteri Besar dan isteri ke lokasi fotografi di TTI berikhtirafkan dengan Pulau Wan Man.

Juta ini merupakan pengantun kali kedua oleh kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (PKT) selepas kali pertamanya tahun lalu yang melibatkan seramai 217 pasangan.

"Insya ALLAH untuk tahun-tahun yang akan datang, saya yakin pasangan ini akan bertambah. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan agenda memperkasakan keluarga dalam prinsip ketiga TTB iaitu 'Keluarga Bahagia' Kita yakin dan percaya kebahagiaan itu mesti bermula daripada rumah tangga.

"Kita hendak memastikan bahawa persekitaran rumah itu sendiri akan dapat mencerminkan apa yang kita hasratkan untuk masa akan datang dan dengan adanya majlis perkahwinan perdana ini, sudah pasti banyak membantu (pasangan muda) sebagaimana saya sebut 'kecil' bagi kalangan besar bagi rakyat' katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Keluarga Generasi TTB: Perkahwinan Perdana 2017



Pasangan pengantin yang merupakan peserta program Perkahwinan Perdana TTB 2017 bersanding di Pusat Konvensyen, TTI, semalam.



Pasangan pengantin lelaki ketika majlis akad nikah di Masjid Kristal, di sini, semalam.

Diiktiraf MBOR berdasarkan jumlah penyertaan pasangan teramai dalam majlis resepsi serentak.

di Pusat Konvensyen TTI di sini, semalam.

Kesemua pasangan mengadakan majlis akad nikah di daerah masing-masing kelmarin kecuali daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus yang dibuat serentak di Masjid Kristal, TTI.

Penyertaan tersebut melibatkan 24 pasangan dari Besut, Setiu (25), Kuala Nerus (36), Kuala Terengganu (34), Marang (85), Hulu Terengganu (23), Dungun (48) dan Kemaman (42).

Semua pasangan turut menerima Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000 sebagai permulaan simpanan oleh kerajaan negeri, sijil penyertaan dan sijil nikah.

Antara keistimewaan lain, pasangan turut menerima pakej bulan madu tiga hari dua malam serta dicalonkan mendapat perumahan disediakan kerajaan dalam tempoh lima tahun usia perkahwinan jika memenuhi syarat dan ditawarkan Skim Pinjaman Modal Pemilikan di bawah Skim Pinjaman Jaya Diri (PID) maksimum RM20,000 kepada yang berminat dan layak.

Selain itu, kerajaan negeri juga turut melonggarkan syarat pemilihan tahun ini untuk membantu lebih ramai golongan muda berkahwin kali pertama antaranya meningkatkan had umur daripada 18 tahun sehingga 35 tahun serta pendapatan ibu bapa pemohon sebanyak RM5,000 ke bawah.

Sebelumnya, syarat umur pemohon pernahlah bermula daripada umur 18 tahun hingga 30 tahun dengan pendapatan ibu bapa sebanyak RM3,000 ke bawah.

Bagaimanapun syarat pendapatan pemohon bersama pasangan kekal berjumlah RM3,000 ke bawah.

PESTA BUKU

PANTAI TIMUR & KARNIVAL JUALAN 2017

MASKOT ANA MUSLIM

24 - 30 SEPTEMBER 2017
9 PAGI - 10 30 MALAM
BALAI ISLAM, LUNDANG